

SOALAN NO. 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD

TARIKH : 4 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

SOALAN : 11

DATO' SRI KHAIRUDIN SAMAD minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengguna pakai cermin gelap (tinted) yang peratusnya lebih tinggi dari yang dibenarkan memandangkan suhu kini yang semakin meningkat disebabkan oleh '*global warming*'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ketetapan mengenai kadar ketelusan cahaya bagi cermin yang dipasang pada sesebuah kenderaan adalah ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) Pindaan 2016. Kadar ketelusan cahaya ini telah ditetapkan sedemikian cara bertujuan untuk memastikan tahap keselamatan pemanduan dan penggunaan sesebuah kenderaan di atas jalan raya. Pemandu kenderaan tersebut hendaklah berupaya untuk melihat dengan jelas persekitaran pemanduannya tidak kira masa malam atau siang atau keadaan hari sama ada hujan lebat, berkabus atau terang.

Kementerian Pengangkutan mengambil maklum tentang permintaan dari kalangan pemilik-pemilik kenderaan untuk membenarkan pemasangan ‘cermin gelap’ dengan ketelusan cahaya yang lebih rendah atas pertimbangan suhu persekitaran yang panas dan faktor-faktor yang lain. Namun demikian, sebarang syor atau cadangan untuk mengurangkan kadar ketelusan cahaya menerusi cermin kenderaan hendaklah dikaji dengan terperinci. Keselamatan pemanduan kenderaan tersebut tidak boleh dikompromi. Untuk makluman dasar baru mengenai ‘cermin gelap’ akan diumumkan setelah kajian siap dilaksanakan pada masa terdekat.